



PEKELILING AKADEMIK BIL. 4/2022

Prof. Madya Dr. Rorlinda Yusof

Pengarah

Pusat GENIUS@Pintar Negara

Universiti Kebangsaan Malaysia

Puan,

**PENGESAHAN MAKLUMAT KEPERLUAN PEPERIKSAAN AKHIR PELAJAR PROGRAM ASASI
PINTAR SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2021/2022**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa minggu Peperiksaan Akhir Semester 2 Sesi Akademik 2021/2022 akan diadakan mulai **20 hingga 24 Jun 2022**. Pengendalian peperiksaan akhir ini mengikut panduan pengurusan peperiksaan prasiswazah yang telah diberi pengiktirafan ISO 9001:2015.

3. Sehubungan dengan itu, bagi melancarkan urusan pengendalian Peperiksaan Akhir Semester 2 Sesi Akademik 2021/2022, Pusat ini memohon jasa baik pihak puan untuk mendapatkan kerjasama pensyarah-pensyarah terlibat supaya membuat pengesahan maklumat keperluan peperiksaan melalui **SMPweb (<http://www.ukm.my/smpweb>)**.

4. Garis panduan untuk mengisi Maklumat Keperluan Peperiksaan adalah seperti berikut:-

- i) Urusan pengesahan Borang Maklumat Keperluan Peperiksaan Akhir Semester 2 Sesi Akademik 2021/2022 boleh dibuat mulai **14 hingga 18 Mac 2022**.
- ii) Penyelaras kursus diminta memasukkan maklumat keperluan peperiksaan ke dalam **SMPweb**. **Untuk makluman, jumlah soalan maksima yang dibenarkan untuk Borang OMR adalah 125 Soalan SAHAJA**.
- iii) Penyelaras kursus diminta menyelaraskan tempoh peperiksaan kepada tempoh berikut bagi memudahkan penjarangan penjadualan peperiksaan:
 - a. 1 jam
 - b. 1 jam 30 minit
 - c. 2 jam
 - d. 2 jam 30 minit
 - e. 3 jam



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: akad@ukm.edu.my

Web: www.ukm.my/akademik

- iv) Pensyarah set lain atau ahli kumpulan pengajar lain boleh membuat semakan kepada borang tersebut tetapi tidak boleh membuat sebarang pindaan. Jika terdapat pindaan yang ingin dilakukan, maka pensyarah tersebut perlu memaklumkan kepada penyelaras kursus.
- v) Sekiranya nama pensyarah tidak terdapat pada set tersebut, sila maklum kepada Ketua Penolong Pendaftar/ Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar Pusat masing-masing.
- vi) Pihak Pusat juga diminta membuat pemantauan urusan pengesahan maklumat keperluan peperiksaan ini.

5. Pihak Pusat boleh menghantar emel kepada smpweb@ptm.ukm.my atau **Cik Suhaida Abd Rahman** (suhaida@ukm.edu.my) di Pusat Pengurusan Akademik untuk pertanyaan dan maklumat lanjut.

Kerjasama dan bantuan pihak Pusat bagi memastikan urusan peperiksaan akhir ini akan berjalan dengan lancar amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



MUHAMAD-WALID OSMAN
Timbalan Pendaftar
Pusat Pengurusan Akademik

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
 - Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat
 - Ketua Penolong Pendaftar
Pusat GENIUS@Pintar Negara



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: akad@ukm.edu.my
Web: www.ukm.my/akademik